

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 1/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 26/05/2017

1. Tujuan

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk menerangkan definisi dan panduan dalam pelaksanaan jaringan komuniti Universiti Putra Malaysia di peringkat universiti atau Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pegawai yang terlibat adalah bertanggungjawab mematuhi garis panduan ini.

2. Latar Belakang

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM berperanan sebagai penyelar program komuniti universiti di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 8 (*National Blue Ocean Strategy 8*) (NBOS 8) Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Ia bertujuan meletakkan UPM sebagai universiti yang melaksanakan khidmat pengembangan atau komuniti yang terunggul. Berasaskan Pelan Strategik UPM terkini, UCTC salah satu PTJ yang mendukung Matlamat 3: Melonjak Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat.

3. Definisi Komuniti

Komuniti merujuk kepada kumpulan orang atau masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat, atau kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat kecenderungan, kepentingan dan lain-lain yang serupa. (Rujukan: Kamus Dewan Edisi Keempat).

4. Definisi Projek Komuniti

Projek komuniti didefinisikan sebagai projek yang dirancang dan dilaksanakan untuk pembangunan komuniti oleh pihak universiti melalui libat sama pihak komuniti yang disasarkan dan memberi manfaat kepada komuniti. Komuniti yang dimaksudkan adalah kumpulan orang, kumpulan individu atau masyarakat selain dari warga UPM atau mana-mana pusat pengajian tinggi.

5. Definisi Kategori Projek Komuniti

5.1 Projek *One Off*

5.1.1 Merangkumi mana-mana projek komuniti yang dijalankan sekali sahaja sama ada atas kapasiti individu atau berkumpulan di sesuatu tempat.

5.1.2 Kebiasaannya projek ini hanya mendapat penarafan bintang 1 hingga 3 sahaja. Tidak berpotensi mencapai penarafan bintang 4 dan 5.

Contoh:

Jemputan sebagai penceramah/fasilitator, pengadil/juri pertandingan dan seumpamanya daripada pihak luar UPM.

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 2/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 26/05/2017

5.2 Projek Berterusan

- 5.2.1 Merangkumi projek komuniti yang berbentuk aktiviti pemindahan ilmu untuk pembangunan komuniti yang dijalankan secara berperingkat untuk satu jangkamasa yang telah ditetapkan.
- 5.2.2 Komuniti menerima manfaat sepenuhnya dan mampu untuk melaksanakan projek komuniti tersebut secara berterusan.
- 5.2.3 Berpotensi mencapai tahap penarafan bintang 4 dan 5.

Contoh:

Program Pembangunan Pertanian Bandaran Komuniti Perumahan di Daerah Kerian, Perak untuk jangkamasa 2 tahun bagi membangunkan sebuah laman komuniti ke arah usaha meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk.

5.3 Projek Berimpak Tinggi

Projek yang telah menunjukkan pembangunan komuniti dengan jelas melalui pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi (PSKA) dan ditarafkan sebagai bintang 4 atau komuniti telah dihakapaya dan ditarafkan sebagai bintang 5.

5.4 Projek Angkat

Projek yang telah mencapai status bintang 4 atau 5 di satu komuniti yang disasarkan dan berpotensi untuk direplikasi di tempat lain.

6. Geran *Knowledge Transfer Program (KTP)*

Merujuk kepada Geran Program Pemindahan Ilmu (KTP) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk memindahkan ilmu pengetahuan daripada universiti awam kepada pihak komuniti dan industri.

7. Geran *Knowledge Transfer Grant Scheme (KTGS)*

Geran Program Pemindahan Ilmu merupakan peruntukan khas daripada Geran Universiti Penyelidikan yang diselaraskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UPM bagi merealisasikan Matlamat ke – 3 UPM.

8. Geran UCTC – NBOS

Geran Program Komuniti di bawah peruntukan khas *National Strategy Unit (NSU*, Kementerian Kewangan Malaysia) yang diuruskan oleh Unit NBOS, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Ia merupakan inisiatif bagi menjalankan program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 3/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 26/05/2017

9. Latihan/Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) Komuniti

Latihan/PSH komuniti yang dijalankan berdasarkan perancangan PTJ, permohonan komuniti, atau arahan pihak pengurusan universiti. Terdapat empat jenis latihan komuniti iaitu:

9.1 Kursus Berjadual

- 9.1.1 Kursus yang dirancang dan dilaksanakan oleh PTJ.
- 9.1.2 PTJ mempromosikan kursus berjadual yang dijalankan melalui buletin UPM/laman web PTJ/Prospektus Kursus PTJ/Surat jemputan/ akhbar kepada komuniti.
- 9.1.3 Komuniti yang berminat boleh mendaftar nama mereka bagi mengikuti kursus melalui borang permohonan/portal yang disediakan.
- 9.1.4 Kursus yang dijalankan juga merangkumi kursus teknikal profesional bersijil.

9.2 Kursus Tidak Berjadual

- 9.2.1 Kursus tidak dirancang yang dilaksanakan oleh PTJ.
- 9.2.2 Kebiasaannya dipohon oleh pihak luar yang memerlukan kursus dan latihan dalam bidang tertentu. PTJ mengemukakan kertas cadangan untuk kursus yang dipohon bersama implikasi kewangan dan cadangan pengisian kursus kepada pihak yang memohon.
- 9.2.3 Sekiranya cadangan yang dikemukakan itu dipersetujui oleh pemohon, kursus akan dijalankan dan setiap peserta yang menamatkan kursus akan diberikan sijil kursus.
- 9.2.4 Kursus yang dijalankan juga merangkumi kursus teknikal profesional bersijil.

9.3 *Outbound Training (OBT)*

- 9.3.1 Satu kaedah latihan untuk meningkatkan prestasi organisasi melalui pembelajaran melalui pengalaman. Program seperti ini sering juga disebut latihan pengembaraan korporat dan pembangunan pengurusan luar atau *teamwork*.

9.4 Program Sangkutan (*Attachment Programme*)

- 9.4.1 Program ini dilaksanakan untuk berkongsi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman di antara UPM dan agensi yang terlibat, selain untuk mewujudkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak.
- 9.4.2 Bidang yang ditawarkan adalah penyelidikan, pertanian, veterinar, ekonomi, pengurusan, kejuruteraan, sains makanan, teknologi maklumat, perubatan, biokomposit, komunikasi, bahasa, pembangunan manusia dan lain-lain.
- 9.4.3 Agensi atau syarikat yang berminat untuk menghantar staf mereka menjalankan program ini boleh membuat permohonan kepada pihak PTJ dengan menyatakan bidang yang ingin disertai dan tempoh masa yang diperlukan untuk program ini di UPM.

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 4/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 26/05/2017

10. Kluster Projek Komuniti UPM

Setiap projek komuniti UPM yang dijalankan oleh PTJ perlu menumpukan kepada tujuh kluster yang telah dikenal pasti seperti berikut:

- a) Komuniti Setempat
- b) Komuniti Pertanian
- c) Belia
- d) Warga Emas
- e) Pesakit Kanser
- f) Orang Asli
- g) Pendidikan Kanak-kanak/Pelajar

11. Program Jaringan Komuniti UPM

Projek komuniti UPM yang dijalankan dan dilaporkan pada pihak universiti akan diklasifikasikan kepada 15 program jaringan komuniti UPM yang telah ditetapkan.

BIL	PROGRAM	PENERANGAN
1	Bandar Hijau Serdang (Projek Khas Universiti)	Projek yang dijalankan di Serdang
2	Jaringan Antarabangsa	a) Projek yang dijalankan di luar negara b) Projek luar negara yang dijalankan di Malaysia
3	Kesejahteraan Komuniti	a) Projek peningkatan taraf hidup komuniti b) Hari Transformasi Komuniti bersama UPM
4	Pembangunan Modal Insan	Projek yang melibatkan pembangunan kemahiran dan sahsiah kumpulan sasaran
5	Penghayatan Alam dan Budaya	a) Projek yang melibatkan alam sekitar b) Projek yang melibatkan budaya dan etnik masyarakat
6	Program Inkubasi	Projek inkubasi usahawan oleh pelajar/kumpulan sasaran
7	Program Inovasi dan Reka cipta	Projek libat sama PTJ dan kumpulan sasaran dalam menghasilkan teknologi (contoh: Kajian sains pelajar sekolah, percubaan produk/inovasi baharu)
8	Program Kanser	Projek yang melibatkan pesakit kanser/program kesedaran kanser/program sokongan dan lain-lain
9	Program Pembangunan Halal	a) Projek pendidikan berkaitan halal b) Projek penyelidikan halal bersama kumpulan sasaran

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 5/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 26/05/2017

BIL	PROGRAM	PENERANGAN
10	Program Pembangunan Orang Asli	Projek yang melibatkan orang asli
11	Program Pembangunan Usahawan	Projek yang melibatkan keusahawanan kumpulan sasar/pembangunan industri kecil dan sederhana dan lain-lain
12	Khidmat Pengembangan dan Komuniti	a) Klinik Pakar UPM b) Jelajah Bas Pengembangan PUTRA c) Khidmat nasihat teknikal kepada kumpulan sasar d) Lawatan pengembangan e) Pertunjukan kaedah f) Putra Bakti
13	Program Warga Emas	Projek yang melibatkan warga emas
14	Promosi Universiti dan Kepakaran	Pameran akademik/kepakaran UPM/promosi UPM
15	Sekolah Angkat	a) Projek yang dijalankan oleh PTJ yang berkaitan dengan sekolah b) Projek yang dijalankan oleh PTJ berkaitan bersama sekolah angkat PTJ/sekolah kluster

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 6/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 26/05/2017

12. Intervensi Permasalahan Sosial Negara

UPM telah mengenal pasti 42 jenis permasalahan sosial utama negara yang perlu diberi perhatian. Impak dan keberkesanan projek komuniti yang dilaksanakan oleh PTJ adalah amat penting sebagai intervensi masalah sosial berikut.

MASALAH MIKRO (Masalah Tingkah Laku)	MASALAH MAKRO (Isu Sosial)
1) Penceraian	22) Isu Ekonomi: Pengangguran
2) Penyalahgunaan Bahan: Dadah	23) Pendatang Haram
3) Jenayah Seksual: Pemerkosaan	24) Rasuah
4) Jenayah Seksual: Rogol	25) Isu Kesihatan: HIV
5) Delikuensi	26) Isu Ekonomi: Pengemis
6) Jenayah Harta: Pecah Rumah	27) Isu Kesihatan: AIDS
7) Jenayah Harta: Kecurian	28) Isu Keselamatan: Keselamatan Jalan Raya
8) Jenayah Berat: Merompak Tanpa Senjata Api	29) Isu Ekonomik: Kemiskinan Tegar
9) Jenayah Berat: Kecederaan	30) Salah Guna Kuasa
10) Jenayah Harta: Ragut	31) Jenayah Komersil: Pecah Amanah
11) Penganiayaan Manusia: Jenayah Domestik	32) Isu Alam Sekitar: Degradasi Flora dan Fauna
12) Penganiayaan Manusia: Buang Anak	33) Isu Kesihatan: Denggi
13) Salah Laku Seksual: Seks Haram	34) Polarisasi Kaum
14) Jenayah Seksual: Sumbang Mahram	35) Pemerdagangan Manusia
15) Delikuensi: Rempit	36) Isu Kesihatan: Kesihatan Mental
16) Jenayah disebabkan Kebencian	37) Isu Kesihatan: Obesiti
17) Jenayah Berat: Merompak Bersenjata Api	38) Isu Alam Sekitar: Pencemaran
18) Penyalahgunaan Bahan: Rokok	39) Jenayah Komersil: Jenayah Cyber
19) Penyalahgunaan Bahan: Alkohol	40) Jenayah Komersil: Penedaran Dadah
20) Salah Laku Seksual: Pelacuran/LGBT	41) Jenayah Komersil: Pemalsuan
21) Bunuh Diri	42) Jenayah Komersil: Pinjaman Tanpa Lesen

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 7/6
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 04
		No. Isu: 02
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	Tarikh: 26/05/2017

13. Penarafan Bintang Jaringan Komuniti

Setiap pelaporan perlu diletakkan penarafan bintang jaringan komuniti oleh PTJ berdasarkan kriteria berikut:

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★★★★★	Penghakupayaan	Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran Kelestarian amalan inovasi Memperkasa amalan inovasi	Komuniti/peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan UPM
4 ★★★★	Perubahan Amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos	Komuniti/peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3 ★★★	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti	Komuniti/peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi <i>* Bukti Pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain</i>
2 ★★	Sokongan dan Penglibatan	Komuniti membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti Hubungan strategik komuniti/ organisasi	UPM melaksanakan program bersama komuniti/peserta
1 ★	Jalinan Hubungan	Komuniti bertanggapan positif terhadap UPM dan program tindakan komuniti	Pengukuhan hubungan UPM-komuniti/peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain-lain